

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF
[JEMPOL]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 16

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) penjelasan berhubung dakwaan Malaysia telah menjadi destinasi longgokan sampah popular atau 'tong sampah' dunia; dan
- (b) pelan tindakan bagi mengatasi permasalahan kegiatan penyeludupan sisa sampah serta hukuman terhadap individu yang mendalangi kegiatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN (A)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sekatan oleh negara China berhubung pengimportan sisa plastik import ke negara China pada Januari 2018 telah menyebabkan kebanyakan negara di Asia Tenggara termasuklah Malaysia telah menjadi lokasi baharu pengeksportan sisa plastik untuk dikitar semula. Berikut itu, Malaysia telah melaksanakan sekatan terhadap pengimportan sisa plastik HS 39.15 pada 2018 (Julai hingga Oktober) dan mengenakan syarat-syarat pengimportan sisa plastik yang lebih ketat berkuat kuasa 26 Oktober 2018 bagi mengawal kemasukan sisa plastik import yang telah menimbulkan kebimbangan kepada rakyat.

JAWAPAN (B)

1. Antara tindakan yang telah dilaksanakan bagi mengatasi kegiatan penyeludupan sisa plastik adalah dengan mengadakan operasi bersepadu bagi mengetatkan kawalan di pintu masuk Pelabuhan Persekutuan bersama-sama dengan pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Pihak Berkuasa Pelabuhan. Ini termasuk menjalankan pemeriksaan fizikal secara *single inspection* ke atas pengimportan sisa plastik yang diragui statusnya, untuk mengesahkan bahawa sisa plastik tersebut adalah bersih dan homogen. Selain itu, operasi bersepadu di kilang-kilang pemprosesan sisa plastik haram juga masih giat dijalankan bagi menyekat kegiatan penyeludupan tersebut.

NO SOALAN : 16

2. Bagi kes pemegang permit import (*approved permit* – AP) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), sekiranya mana-mana syarikat pemegang AP didapati tidak mematuhi syarat-syarat pengimportan yang telah ditetapkan oleh KP KT atau melanggar keperluan agensi-agensi lain terutamanya JAS, AP syarikat akan dibatalkan serta-merta dan syarikat akan di senarai hitam oleh Kementerian.
3. Manakala bagi kesalahan menyeludup sisa plastik, Seksyen 135 Akta Kastam 1967 memperuntukkan denda tidak melebihi RM500,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya, jika disabit kesalahan.

Sekian, terima kasih.